

NO SOALAN :41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH
(SABAK BERNAM)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 02.11.2015

Y.B. TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah penurunan nilai ringgit berbanding dollar Amerika Syarikat (AS) kepada paras terendah memberi impak kapada keseluruhan rakyat terutama golongan berpendapatan sederhana dan pelbagai jenis perniagaan dalam negara serta langkah Kerajaan bagi menangani isu kejatuhan ringgit supaya tidak membebankan rakyat.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mutakhir ini, isu penurunan nilai

Ringgit telah menjadi fokus pelbagai pihak dalam memperkatakan tentang ekonomi negara. Sejak 1 September 2014 hingga 28 Oktober 2015, nilai Ringgit telah menyusut sebanyak 25.9% berbanding Dolar Amerika Syarikat (AS), yang turut dialami oleh kebanyakan matawang serantau serta juga dalam kalangan negara maju. Ketidaktentuan ekonomi global telah dikenalpasti antara punca utama kepada penyusutan nilai Ringgit, faktor-faktor lain adalah seperti :

- a. Jangkaan kenaikan kadar faedah oleh Amerika Syarikat. Ini telah meningkatkan minat pelabur untuk membeli aset dalam nilai Dolar AS berbanding Ringgit dan telah mengukuhkan nilai Dolar AS serta melemahkan nilai Ringgit;
- b. Kejatuhan harga komoditi seperti minyak mentah dan kelapa sawit mengakibatkan pengurangan hasil Kerajaan yang ketara. Sejak 1 September 2014 sehingga 28 Oktober 2015, harga minyak mentah Brent telah menurun daripada USD101.37 setong kepada USD47.19 setong, iaitu menyusut sebanyak 53.4%. Manakala harga kelapa sawit pula menyusut sebanyak 7% daripada RM2,297 setan pada 31 Disember 2014 kepada RM2,137 setan pada 28 Oktober 2015 ; dan
- c. Pertumbuhan ekonomi China yang perlahan dan penurunan nilai Yuan

telah menyebabkan kelembapan ekonomi serantau terutama pasaran ekonomi membangun termasuk Malaysia.

Faktor luaran tersebut telah mendorong aliran keluar portfolio daripada Malaysia dan memberi tekanan kepada nilai Ringgit untuk berada di bawah tahap sebenar.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun dengan persekitaran luaran yang tidak menentu, ekonomi Malaysia kekal kukuh dipacu oleh permintaan domestik terutamanya pelaburan dan penggunaan swasta. Dalam tempoh separuh pertama tahun 2015, KDNK mencatatkan pertumbuhan 5.3%. Penggunaan dan pelaburan swasta mencatatkan pertumbuhan masing-masing sebanyak 7.6% dan 7.5% serta akaun semasa imbangan pelaburan luar negara merekodkan lebih sebanyak RM17.6 bilion. Eksport kasar yang mengalami pertumbuhan negatif 3.1% dalam tempoh separuh pertama 2015 telah mula menunjukkan peningkatan sebanyak 3.8% bagi tempoh bulan Julai 2015 hingga Ogos 2015 (Julai - Ogos 2014: 1.2%). Malahan, sehingga September 2015, kadar inflasi kekal terkawal pada 1.9% dan kadar pengangguran pula pada 3.2% iaitu tahap guna tenaga penuh. Keadaan ini jelas menunjukkan golongan peniaga dan rakyat tidak terjejas dengan

teruk pada keseluruhannya. Dengan *fundamental* yang kukuh, ekonomi Malaysia dijangka kekal stabil dengan pertumbuhan 4.5% hingga 5.5% bagi tahun 2015.

3. Dalam menghadapi ketidaktentuan ekonomi dunia serta impak penyusutan mata wang Ringgit, inisiatif berikut telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membina daya tahan kedudukan ekonomi negara dan mensejahterakan rakyat, antaranya:

- a. Ekonomi telah ditransformasikan menjadi lebih pelbagai dan pergantungan kepada sektor tertentu telah dikurangkan. Sektor komoditi kini hanya menyumbang sebanyak 18% kepada KDNK negara;
- b. Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan agensi-agensi lain juga telah melaksanakan inisiatif untuk membangunkan pasaran modal. Pasaran bon tempatan, contohnya telah berkembang kepada 95.3% daripada KDNK pada suku kedua 2015 berbanding 73.3% daripada KDNK pada tahun 2000.
- c. Usaha yang berterusan untuk mengembangkan pasaran bon dalam mata wang tempatan, telah turut membantu syarikat dalam menguruskan dedahan mereka terhadap turun naik mata wang asing dan risiko yang

105


berkaitan. Ini telah mempelbagaikan sumber pembiayaan bagi ekonomi dan mengurangkan pergantungan kepada sektor perbankan;

d. Pengumpulan rizab sejak tempoh pasca krisis kewangan global merupakan sebahagian daripada usaha Bank Negara Malaysia untuk membina penampan kerana jangkaan wujudnya tempoh tekanan.

e. Kerajaan akan terus melaksanakan inisiatif untuk meningkatkan daya tahan ekonomi negara dan menaikkan sentimen pasaran dan pelabur, termasuk mengekalkan komitmen yang jitu dalam melaksanakan konsolidasi fiskal. Di samping itu, tumpuan turut diberi bagi memastikan pertumbuhan permintaan pelaburan dan kepenggunaan dalam negeri berterusan dengan mengutamakan perbelanjaan pembangunan yang mempunyai nilai penggandaan yang tinggi.

f. Selain itu, program untuk mensejahterakan rakyat termasuklah pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan inisiatif cukai individu dan syarikat akan terus dilaksanakan.

Kemampuan Kerajaan untuk melaksanakan pelbagai program mensejahterakan rakyat terutama kepada kumpulan isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana membuktikan kebijakan rakyat

tidak diabaikan walaupun berlaku penurunan nilai Ringgit. Malah menerusi pengumuman Bajet 2016, Kerajaan telah mengumumkan pelbagai inisiatif bagi meringankan kos sara hidup dan meningkatkan pendapatan rakyat. Dalam masa yang sama, perancangan rapi dilaksanakan secara konsisten bagi mengukuhkan semula nilai Ringgit. Melalui pendekatan ini, Kerajaan yakin nilai Ringgit mampu ditingkatkan semula untuk kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.